



Bahasa Melayu Standard

Kepimpinan Melalui Teladan



4 AMANAH



1. Mifzar
2. Hielwa
3. Alisya
4. Qistina
5. Sarah
6. Aftab
7. Izzah
8. Izz
9. Marsha
10. Azzrine
11. Danial Ihsan
12. Hana Fuad
13. Khalida
14. Meor
15. Afif
16. Anas
17. Kamilia
18. Hanna Harull
19. Lutfan
20. Aizat
21. Arif
22. Ayena
23. Aftab
24. Aizat
25. Mifzar
26. Hielwa
27. Izz
28. Alisya
29. Izzah
30. Kamilia
31. Marsha
32. Afif
33. Anas
34. Lutfan
35. Danial Ihsan
36. Meor
37. Azzrine
38. Qistina
39. Arif
40. Hana Fuad
41. Khalida



Bahasa Melayu Klasik

Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada dan peri mengatakan penjurit ketujuh bercakap kepada Seri Betara dan Patih Gajah Mada hendak mengalahkan negeri Melaka itu dengan seorang dirinya, peri mengatakan tatkala Laksamana membunuh penjurit tujuh bersaudara di Bukit Cina itu. Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. 'Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.'

Bahasa Melayu Standard

Bermulanya kisah di mana Seri Betara Majapahit dan Patih Gajah Mada serta peri mendengar hasrat tentera Majapahit untuk mengalahkan negeri Melaka dengan seorang diri. Peri mengatakan bahawa Laksamana telah membunuh penjenayah tersebut di Bukit Cina. Patih Gajah Mada mengetahui bahawa tentera yang diperintahkan oleh Seri Betara untuk pergi menyerang Melaka sudah mati.

Bahasa Melayu Klasik

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?"

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, "Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Bahasa Melayu Standard

Setelah sudah berfikir, Patih Gajah Mada pun teringat akan Petala Bumi itu. Patih Gajah Mada pun segera menyuruh isteri Petala Bumi untuk menanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri ke Daha itu, sama ada sudah pulang dari Daha atau belum. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergi kepada isteri Petala Bumi.

Apabila melihat Kertala Sari sudah sampai dari Daha, dan memperoleh banyak harta seperti emas, perak, pakaian dan duit hasil daripada barang curiannya. Setelah Kertala Sari sampai di rumah, Kertala Sari pun bertanya kepada ibunya, "Wahai ibuku, ke mana bapa pergi kerana saya tiada melihatnya?"

Apabila mendengar kata-kata anaknya, ibu kertala Sari pun menangis sambil berkata "Wahai anakku, bapamu sudah mati dibunuh oleh orang Melayu yang bernama Laksaman Hulubalang Ratu Melaka."

Bahasa Melayu Klasik

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, “Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?”

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan.”

Bahasa Melayu Standard

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya, dia marah dan berkata “Siapa yang menyuruh membunuh bapaku supaya aku menghancurkan negeri Majapahit?”

Maka ibunya pun menceritakan segalanya. Setelah Kertala Sari mendengar cerita tersebut, dia berasa marah, “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau! --. Syahadan Melaka pun akan kukenakan. Jika aku tidak buat demikian, aku bukanlah anak penjurit yang berani dan berkuasa.

BAHASA MELAYU KLASIK

Setelah sudah Kertala Sari berkata-kata demikian itu, maka orang penyuruh daripada Patih Gajah Mada itu pun datanglah. Maka dilihatnya Kertala Sari sedang berkata-kata dengan ibunya seperti laku orang berkelahi. Setelah dilihatnya oleh Kertala Sari orang datang itu, maka kata Kertala Sari kepada orang itu, “Siapa tuan hamba ini?”

Maka kata orang itu, “Manira ini disuruhkan oleh Patih Gajah Mada melihat pakanira, sudahkah datang dari Daha atau belumkah, kerana Patih Gajah Mada hendak bertemu dengan manira.” Maka Kertala Sari segera mengambil kerisnya lalu berjalan diiringkan oleh orang itu.

BAHASA MELAYU STANDARD

Selepas Kertala Sari berkata demikian, orang suruhan Patih Gajah Mada pergi kepadanya. Orang suruhan tersebut melihat Kertala Sari bercakap dengan ibunya seperti berkelahi. Apabila Kertala Sari melihat orang suruhan itu, dia bertanya, “Kamu dihantar oleh siapa?”

Orang suruhan berkata bahawa dia disuruhkan oleh Patih Gajah Mada untuk melihat sama ada Kertala Sari sudah pulang dari Daha atau tidak kerana Patih Gajah Mada ingin berjumpa dengan Kertala Sari. Kemudian, Kertala Sari mengambil kerisnya dengan segera dan mengikuti orang suruhan Patih Gajah Mada.

BAHASA KLASIK

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tiada dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

BAHASA STANDARD

Apabila datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka Patih Gajah Mada berkata, “Wahai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil kamu kerana bapamu berpesan kepada aku, ‘Jangan tidak dikasihi anakku ini,’ kerana bapa sudah mati dengan pekerjaan Seri Bertara. Sekarang, anakku akan dijadikan penggawa agung.”

Apabila Kertala Sari mendengar kata-kata Patih Gajah Mada, Kertala Sari dengan relanya menyembah Patih Gajah Mada.

Bahasa Melayu Standard

Kertala Sari berkata kepada Patih Gaja Muda bahawa dia mempunyai niat untuk membunuh Ratu Melaka dan Laksamana. Menurut Kertala Sari, jika dia dapat mengalahkan negeri Melaka itu seorang diri, dia juga dapat mengambil semua anak isteri orang Melaka. Sekiranya dia masih belum membunuh Ratu Melaka dan Laksamana sehingga mati, dia tidak mahu menjadi ketua.

Patih Gaja Mada berasa sungguh gembira selepas mendengar kata-kata Kertala Sari lalu menjamu Kertala Sari dengan makanan dan minuman, mereka bergembira dan Patih Gajah Mada memberikan pakaian lengkap kepada Kertala Sari.

Bahasa Melayu Klasik

Maka sembah Kertala Sari, "Endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa."

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.



BAHASA KLASIK

Setelah sudah maka Kertala Sari pun dibawanya masuk menghadap Seri Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya.

Sebermula negeri Melaka pun sedikit alah olehnya. Akan sekarang baharulah patik beroleh penjurit terlalu kepetangan; inilah penjuritnya. Kertala Sari namanya, anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik.



BAHASA MELAYU

Setelah sudah, Kertala Sari pun dibawanya masuk berjumpa Seri Betara pergi ke Melaka itu khabarnya sudah mati dibunuh oleh Laksamana ketujuhnya.

Pada mulanya, negeri Melaka pun sedikit tewas. Sekarang baharulah patik beroleh muslihat penjurit; inilah penjuritnya. Namanya Kertala Sari dan anak Petala Bumi yang dipesan oleh bapanya kepada patik.

Bahasa Standard

Setelah Seri Betara mendengar kata-kata Patih Gajah Mada, Seri Betara pun bertitah, “Wahai Kertala Sari, adakah kau dapat membunuh Ratu Melaka dan hulubalang Laksamana itu?”

Sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku, apa pentingnya membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedangkan negeri Daha itu sudah kita kalahkan?”

Setelah Seri Betara mendengar kata-kata Patih Gajah Mada, Seri Betara pun bertitah, “Segeralah ke Melaka agar kamu dapat mengawalnya.” Maka sembah Kertala Sari, “Jika tuanku yang menitahkan, maka patik akan segera ke Melaka dengan sebuah perahu untuk menunaikan permintaan tuanku Betara.”

Bahasa Klasik

Setelah Seri Betara mendengar sembah Patih Gajah Mada demikian itu, maka titah Seri Betara, “Hai Kertala Sari, dapatkah engkau kutitahkan membunuh Ratu Melaka dan hulubalang yang bernama Laksamana itu?”

Maka sembah Kertala Sari, “Daulat tuanku andika Betara, endah apatah pekerjaan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu, sedang negeri Daha patik alahkan?”

Setelah Seri Betara mendengar cakap Kertala Sari itu, maka titah Seri Betara, “Segeralah engkau pergi ke Melaka itu. Kerajaan seperti cakapmu itu supaya engkau kujadikan penggawa agung.”

Maka sembah Kertala Sari, “Jikalau tuanku hendak menitahkan patik aji, baiklah segera patik suruh hantarkan ke Melaka dengan sebuah perahu supaya patik segera kerjakan seperti titah paduka Betara itu.”

Maka titah Seri Betara, “Hai Patih Gajah Mada, segeralah suruh hantar ke Melaka.” Maka Patih Gajah Mada pun berlengkap sebuah perahu dengan sepuluh orang sertanya yang pergi. Setelah sudah lengkap maka Kertala Sari pun belayarliah.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamakan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar.



Seri Betara bertitah, “Wahai Patih Gajah Mada, segeralah hantar ke Melaka.” Patih Gajah Mada pun menyediakan sebuah perahu dengan sepuluh orang bersamanya pergi. Setelah selesai Kertala Sari pun belayar.

Setelah seketika, akhirnya Kertala Sari pun sampai ke Melaka. Kertala Sari pun singgah di luar kota iaitu kampung kepada penduduk Jawa. Kertala Sari pun menyamakan diri kepada penduduk Jawa yang ramai itu. Kertala Sari sering berjalan keluar masuk bermain-main di kampung orang kaya-kaya dan saudagar.

BAHASA MELAYU KLASIK

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Karma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia pun fikir dalam hatinya, “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”

BAHASA MELAYU STANDARD

Setelah mengetahuinya, maka Kertala Sari masuk dan menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya. Kemudian, Kertala Sari mengikut Patih Kerma Wijaya untuk menghadap orang Jawa yang ramai itu. Kertala Sari meneliti seorang demi seorang setiap hulubalang yang menghadapnya itu. Kemudian, Kertala Sari memandang Laksamana dan terfikir dalam hatinya bahawa dialah hulubalang Ratu Melaka. Dan jika beliau berlaku demikian, mampu membunuh bapanya kerana Laksamana merupakan penjahat yang sangat gagah.

BAHASA MELAYU KLASIK

Setelah sudah ia fikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang bertunggu raja itu. Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempatnya singgah itu, maka ia pun berjalanlah mencari tempat akan menaruh harta. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari ada sebuah bukit di luar kota itu. Maka ia pun pergi ke atas bukit itu. Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta. Maka ia pun berjalanlah turun dari Bukit Cina itu.

BAHASA MELAYU STANDARD

Setelah Kertala Sari berfikir demikian, lalu dia melihat keadaan penghadapan dan tempat orang menunggu raja. Selepas itu, Kertala Sari kembali kepada tempat yang telah singgah dan berjalan mencari tempat menyimpan harta. Kertala Sari melihat sebuah bukit di luar kota dan pergi menaiki bukit itu. Kertala Sari melihat tempat itu terlalu bagus untuk menyimpan harta lalu berjalan turun dari Bukit Cina

BAHASA MELAYU KLASIK

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengar saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya. Maka ia pun kembali pada tempatnya singgah itu.

BAHASA MELAYU STANDARD

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka beliau masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah tengah malam, maka saudagar itu pun tidur. Maka oleh Kertala Sari dicuri segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa beliau membawa dan isteri saudagar itu pun dipenuhi. Maka ia pun kembali pada tempat singgah itu.

BAHASA MELAYU KLASIK

Maka hari pun sianglah. Maka saudagar itu pun gemparlah mengatakan dirinya kecurian.

Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, "Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang."

BAHASA MELAYU STANDARD

Maka hari pula siang, dan saudagar itu gempar mengatakan tentang kecurian yang berlaku pada dia.

Hatta maka hari pula malam, dan Kertala Sari masuk mencuri dari sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah beliau memperoleh harta, Kertala Sari pulang kembali ke rumahnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu masuk menghadap raja. Mereka bersembah, "Ya tuanku, patik memohon ampun, patik sekalian ini telah ditimpa kecurian sehingga hanya tinggal sehelai sepinggang."

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut sambil menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, "Wah, datanglah pula masalah atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jika Laksamana diutuskan ke negeri orang, hancurlah negeri ini."

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, "Hai Temenggung, suruh orang berjaga dan segala saudagar berjaga di kampungnya!" Maka Temenggung pun menyuruhkannya beritau orang kaya-kaya dan saudagar berjaga pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berjaga, terlalu banyak dengan lembing, perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

X Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, "Wah, datanglah pula bala atas negeriku!

Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini."

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, "Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!" Maka Temenggung pun menyuruhkannya beritau orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal.

Bahasa Melayu Klasik

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Maka ia pun pergi ke rumah seorang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, "Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?"

Bahasa Melayu Standard

Setelah itu lalu Kertala Sari masuk ke dalam. Kemudian, Kertala Sari melihat terlalu ramai orang berkawal dengan senjata. Justeru itu Kertala Sari melafazkan jampinya lalu berjalan di tengah orang ramai itu. Seterusnya pergi ke rumah orang kaya. Sesudah itu dia mencuri harta yang kemas-kemas itu dan mencabul isteri orang kaya tersebut dan pulang ke rumahnya.

Setelah hari siang lalu orang kaya itu datang menghadap raja mengadukan kecurian yang berlaku semalam. Baginda hairan dan bertitah kepada Temenggung, "Wahai Temenggung kamu tidak menyuruh orang berkawal tadi?"

Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan penjurit itu."

Maka titah baginda, "Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?"

Maka baginda pun murka sedikit akan Temenggung. Maka baginda pun menyuruh memanggil Laksamana; Laksamana pun segera datang lalu duduk menyembah.

Maka titah baginda, "Hai kekasihku Laksamana, datanglah bala ke atas negeriku dan banyaklah orang aku kecurian; masing-masing mengadukan halnya pada kita."

Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang menjaga malam tadi, tetapi tiada orang dijumpai. Patik hamba pun pelik akan pencuri tersebut.

Maka titah baginda, "Jadi bagaimana pencuri itu dapat mencuri?"

Maka baginda pun marah sedikit terhadap temenggung lalu menyuruh beliau memanggil laksamana. Laksamana pun segera datang lalu duduk menghadap sultan.

Maka titah baginda, "Wahai laksamana, pelbagai masalah yang negeri menghadapi dan berlaku banyak kecurian, rakyat pun mengadu masalah mereka kepada kita."

Bahasa Melayu Klasik

Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; adapun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya maka dapat dicurinya oleh penjurit itu?”

Maka sembah Bendahara, “Daulat Tuanku Syah Alam, adapun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung; apabila Temenggung tiada bercakap, Laksamana pula mengerjakan dia.”

Bahasa Melayu Standard

Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku, mohonkan ampun dan kurnia; adapun penjurit ini bukan penjurit negeri ini, penjurit negeri lain.”

Maka titah baginda, “Apatah sebabnya penjurit itu dapat mencuri?”

Maka sembah Bendahara, “Daulat Tuanku Syah Alam, adapun pekerjaan berkawal itu pekerjaan Temenggung; Laksamana mengerjakan Temenggung apabila dia tidak bercakap.”



Bahasa Melayu Klasik

Maka titah raja, "Pada malam ini, Temenggung sendiri keluar berkawal." Maka sembah Temenggung, "Daulat tuanku, patik sendiri masuk berkawal." Maka Temenggung pun bermohon kembali ke rumahnya berkerah segala hambanya lima ratus orang dengan alat senjatanya



Bahasa Melayu

Raja bertitah bahawa pada malam ini Temenggung sendiri akan keluar berkawal. Jadi Temenggung pun berkata bahawa dia akan sendiri masuk berkawal. Temenggung pun minta pulang ke rumahnya menyuruh lima ratus orang hambanya dengan alat senjatanya

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Setelah malam, maka Kertala Sari pun memasuki kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca bukunya lalu berjalan masuk ke rumah Bendahara. Maka dia mencuri harta kemas Bendahara lalu dia membawanya kembali. Setelah siang hari, Bendahara terkejut akan kecurian yang berlaku.

BAHASA KLASIK

Maka Bendahara pun berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, pada malam ini patik habis kecurian, habislah harta yang kemas-kemas.”

Maka titah raja, “Hai Temenggung, tidakkah kita titahkan Temenggung sendiri pada malam berkawal? Mengapakah pada malam ini mamak Bendahara kecurian ini?”

Maka sembah Temenggung, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun dan kurnia; adapun pada malam ini patik sendirinyalah berkawal. Pada segenap pintu dan rumah saudagar dan orang kaya-kaya patik sudah tunggu; maka seorang pun tiada bertemu dengan patik-patik itu. Maka titah duli yang maha mulia patik junjung.”

Maka Laksamana pun berdatang sembah, “Ya tuanku, adapun penjurit yang datang ini bukan barang-barang penjurit, lebih tahunya daripada patik. Jika ada derma kurnia, patik hendak memohon ke bawah duli hendak cuba bermain dengan penjurit itu.”

BAHASA STANDARD

Apabila Bendahara telah tiba, dia pun berkata “malam ini semua barang patik habis dicuri, semua barang kemas patik telah hilang”

Raja bertitah, “Wahai Temenggung, bukankah beta telah menugaskan hamba untuk bertugas pada malam ini. Mengapa pada malam ini barangan Bendahara telah habis dicuri?”

Temenggung pun menjawab, “Patik memohon maaf, walaupun patik sendiri yang berkawal, patik telah menjaga beberapa pintu orang-orang kaya serta saudagar. Akan tetapi seorang penjahat pun tidak patik jumpai. Segala arahan tuanku telah patik laksanakan.

Laksamana pula datang berkata, “Wahai tuanku, meskipun ada pencuri yang datang ini bukan barang-barang mereka, tetapi mereka lebih tahu daripada patik. Jika ada pemberian, patik hendak meminta untuk melakukan tugas dalam menangkap pencuri itu.

Bahasa Melayu Klasik

Maka titah raja,"Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita.jikalau Laksamana pergi berkawal,siapa teman kita di istana ini? Yang kita harap hanyalah Laksamana." Maka Laksamana pun berdiam dirinya mendengar titah raja demikian itu.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja.Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

Maka sembah Laksamana,"Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini."

Bahasa Melayu Standard

Maka titah raja,"Laksamana pun tak dapat pergi jauh daripada kita.Kalau Laksamana pergi berkawal, siapa yang hendak menemani kita di istana ini? Kita pun hanya berharap kepada Laksamana sahaja." Maka Laksamana berdiam diri mendengar titah raja itu.

Maka sesudah beberapa hari maka segala orang-orang kaya dan saudagar itu habis dicuri; bermula semua datang datang menghadap raja. Maka raja pun tidak mampu berkata apa-apa.

Maka sembah Laksamana,"Pada firasat patik, pada malam itu ada perajurit datang ke istana kita ini."



Bahasa Melayu Klasik

Maka titah raja, “ Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, ada suatu perbuatan; hikmat itu daripada penjurit yang tahu patik peroleh.”

Maka titah baginda, “Segeralah perbuat, kekasihku Laksamana, hikmat itu.”

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, pada malam ini lepaskanlah patik pergi berkawal, tiada jauh.”

Maka baginda bertitah, “Baiklah.”



Bahasa Melayu Standard

Raja bertitah, “ Apakah perbicaraan kita supaya penjurit tersebut tidak boleh masuk ke istana ini?”

Laksamana bersembah, “Daulat tuanku, terdapat suatu perbuatan; arahan itu daripada penjurit yang patik peroleh.”

Baginda bertitah, “Berbuatlah segera, kekasihku Laksamana, arahan tersebut.”

Laksamana bersembah. “Wahai tuanku, pada malam ini biarlah patik pergi berkawal yang tidak berjauhan.”

Baginda bertitah, “Baiklah.”



BAHASA KLASIK

Maka Laksamana pun menyuruh membawa segala senjata yang banyak-banyak itu, lembing dan tombak dan kayu. Maka diatur oleh Laksamana berkeliling istana itu.

Maka dibubuhnya suatu hikmat, radak-meradak dan ketak-menetak sama sendirinya dan kayu itu pun palu-memalu, terlalu gemuruh bunyinya.



BAHASA MELAYU

Setelah itu, Laksamana pun menyuruh orang membawa segala senjata yang banyak, lembing, tombak, dan kayu.

Laksamana menyusun senjata-senjata tersebut di sekeliling istana. Setelah itu, Laksamana meletakkan satu sihir lalu senjata-senjata itu pun tusuk-menusuk dan ketak-menetak. Kayu pula palu-memalu. Bunyinya terlalu kuat

BAHASA KLASIK

(Maka Kertala Sari pun fikir dalam hatinya hendak mencuri harta raja; apabila habislah harta raja itu maka ia pun hendak membakar serta mengamuk. “Adapun bini raja muda-muda itu kuambil akan biniku.”

Maka ia pun sampailah ke istana. Didengar bunyi gemuruh, maka dihampirinya: maka dilihatnya senjata dan kayu palu-memalu, tikam-menikam dan radak-meradak.)

BAHASA STANDARD

Oleh itu, Kertala Sari berfikir dalam hatinya untuk mencuri harta kepunyaan raja. Apabila raja sudah tidak mempunyai harta lagi, maka baginda akan murka. “Semua isteri raja akan aku ambil menjadi isteriku.”

Kemudian, dia tiba di istana. Bunyi yang gemuruh mula kedengaran semasa dia menghampiri istana. Dia melihat ramai orang yang bertempur kerana pelbagai jenis senjata telah digunakan.

Bahasa Melayu Standard

Kertala sari pun keliru, berfikir dalam hatinya,
“Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu,
hikmat tentera Jawa yang tahu juga”.

Dia mengambil suatu kayu lalu disarungkannya. Kemudian, dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya. Setelah itu, ia hendak pergi mendapatkannya dan teringat akan pesan Laksamana, tiada diberinya bergerak, masing masing pada tempatnya

Bahasa Melayu Klasik

Maka Kertala Sari pun hairan, berfikir dalam hatinya,
“Adapun hikmat ini bukan hikmat Melayu, hikmat penjurit Jawa yang tahu-tahu juga.”

Maka diambil suatu kayu, maka disarungnya. Maka dipalu oleh kayu hikmat Laksamana itu gemuruh bunyinya. Maka didengar oleh orang berkawal bunyi kayu itu terlalu gemuruh. Maka ia pun hendak pergi mendapatkannya, maka ia teringat akan pesan Laksamana: tiada diberinya bergerak, masing-masing pada tempatnya.

Penjurit itu berkata, “Apa gunanya aku masuk sedangkan senjata ini mempunyai kuasa. Sekiranya aku masuk, adakah aku akan kalah oleh senjata ini?”


Penjurit itu pun kembali ke tempat lain. Kemudian mencuri lalu membawa ke tempat itu.

Hari sudah pun siang. Laksamana pun kembali. Laksamana berkata kepada orang yang menunggu itu, “Adakah tuan-tuan terdengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia kala?”

Maka kata penjurit itu, “Apa tipunya aku masuk ini, kerana senjata ini ada bertikam. Jika aku masuk nescaya kalahlah aku oleh senjata ini?”


Maka penjurit itu pun kembali pula pergi pada tempat yang lain. Maka dicurinya lalu dibawanya pada tempat itu.

Maka hari pun sianglah. Maka Laksamana pun kembali. Maka kata Laksamana pada orang yang bertunggu itu, “Adakah tuan-tuan dengar bunyi kayu dan senjata itu lain daripada bunyi sedia kala?”




Maka orang itu berkata, “Yang saya dengar, kayu itu memalu kayu lain.” Jadi, Laksamana pun memerhatikannya lalu masuk menghadap raja. Raja bertitah, “Wahai sahabatku, akdakah engkau menemui pencuri itu?”

Laksamana pun menyembah, “Daulat tuanku, patik tidak menjumpainya. Insya-Allah malam nanti patik cuba mencari pencuri itu dengan berkat arwah guru patik. Lantaran itu raja pun mendiamkan diri.





Maka sahut orang itu, “Adapun pada pendengaran sahaya, kayu itu memalu kayu lainlah.”

Maka Laksamana pun melihat, sungguh. Maka Laksamana pun masuk menghadap. Maka titah raja, “Hai kekasihku, adakah bertemu dengan penjurit itu?”



Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, tiada patik bertemu. Insya-Allah Taala, kelak malam patik cuba main penjurit itu, dengan berkat arwah guru patik.” Maka raja pun diamlah.



BAHASA MELAYU KLASIK

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, "Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi."

BAHASA MELAYU STANDARD

Setelah malam, Kertala Sari pun memakai pakaian yang cantik dan wangian yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, "Malam ini aku masuk dengan marah, kerana aku telah mencuri harta orang Melaka."



BAHASA KLASIK

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, maka dihunusnya maka ia pun rebah terjerumus lalu mati. Maka oleh Laksamana dihirisnya syahwatnya diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya



BAHASA MELAYU

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana dan berkata “Terpijak mayat pula aku ini”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah tercabut, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Setelah Kertala Sari merasai luka itu, dihunusnya, ia pun rebah terjerumus lalu mati. Laksamana menghiris nafsunya dan diambilnya lalu ia kembali ke rumahnya.

Bahasa Melayu Klasik

Setelah hari makin siang maka orang pun lalu. Maka dilihatnya seorang perlente mati; maka segera dikeratnya telinga dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.”

Maka datang pula seorang lagi, dikeratnya kepala, lalu dibawa menghadap raja katanya, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.”

Bahasa Melayu Standard

Orang pun lalu setelah hari semakin siang. Dia melihat seorang perlente mati lalu segera mengerat telinga dan dibawa kepada raja, sembahnya, “Ya tuanku, inilah tandanya patik membunuh penjurit yang terlalu buas itu.”

Datang pula seorang lagi yang membawa keratan kepala menghadap raja dan berkata, “Inilah tandanya patik membunuh penjurit pada malam tadi.”



Dengan itu, kaki dan tangan Kertala Sari dikerat dan dibawa ke raja. Baginda pun menjadi hairan.

Baginda bertitah kepada Bendahara, “Aduh Bendahara, kita pun hairan dengan kelakuan ini. Siapakah lagi yang sanggup lakukannya?”

Bendahara bersembah, “Wahai tuanku, pada pendapat patik, terdapat dua tanda yang lagi ; tambahan Laksamana



Dengan demikian habislah kaki tangan Kertala Sari dikeratnya dibawanya kepada raja. Maka baginda pun menjadi hairan.

Maka titah baginda kepada Bendahara, “Ayo mamak Bendahara, kita pun hairan kelakuan ini. Siapakah juga yang sungguh ini?”

Maka sembah Bendahara, “Ya tuanku, pada bicara patik, dua pertandaan lagi maka sungguh; tambahan Laksamana belum datang.”

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, "Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Jangankan membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat." Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Maka titah baginda, "Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?"

Maka diceritakannya segala hal-ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkut segala harta itu."

Selepas itu Laksamana datang membawa badan dan keris Kertala Sari. Lalu sembah Bendahara, "inilah, tuanku bukti yang sah. Pada pendapat patik, jika bukan Laksamana tiada siapa akan dapat membunuh pencuri itu. Bukan setakat itu berjumpa face to face tidak akan dapat," Lalu mereka masing-masing tunduk malu.

Baginda bertitah, "Bagaimana helah Laksamana boleh membunuh pencuri itu?"

Lalu Laksamana menceritakan perkara tersebut. Baginda hairan namun gembira lalu memberi anugerah kepada Laksamana. Sembah laksamana "Ya tuanku lebih baik titahkan rakyat untuk mengambil segala harta itu"

Maka diceritakannya segala hal-ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, "Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkut segala harta itu."

Maka titah raja pada Tun Kasturi, "Pergilah Bentara menghadapi orang mengangkut segala harta dan kerahkan segala orang mengangkut harta itu."

- Maka diceritakannya segala masalahnya. Maka baginda pun pelik kerana terlalu senang hati. Lalu baginda memberi anugerah kepada laksamana.
- Maka sembah laksamana, "ya tuanku, suruhlah semua rakyat mengambil harta tersebut."
- Maka suruh raja pada tun kasturi, "pergilah bentara menghadapi orang yang mengambil harta dan kerahkan mereka



Maka Bentara pun menyembah lalu menangkut segala harta itu bersama rakyat di Bukit Cina. Harta itu itu terlalu banyak. Maka semua harta diletakkan di halaman balairung itu selama tujuh hari tujuh malam.

Setelah sudah maka sembah Laksamana, “Lebih baik jika Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu gong bagi menyuruh orang datang mengambil hartanya.” Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung untuk menyuruh orang memalu gong. Maka orang berkeliling negeri dipanggil.



Maka Bentara pun menyembah lalu pergi dengan rakyat menangkut segala harta itu di Bukit Cina. Maka harta itu pun terlalu banyak. Maka segala harta itu ditimbunkan di halaman balairung itu, tujuh hari tujuh malam berangkut segala harta itu.

Setelah sudah maka sembah Laksamana, “Baik juga Duli Yang Dipertuan menitahkan orang memalu mong-mongan suruh mari mengenal hartanya.” Maka baginda pun bertitah pada Temenggung menyuruh orang memalu mong-mongan. Maka dipalu oranglah berkeliling negeri.

BAHASA MELAYU KLASIK

Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta, seorang pun tiada tinggal. Maka kata seseorang, “Ini harta patik, tuanku.” Maka kata seorang, “Ini pun ia harta patik, tuanku.” Maka kata seorang, “Ini tuanku benda patik”. Kata seseorang, “Ini bantal patik, tuanku.”

BAHASA MELAYU STANDARD

Semua orang yang kehilangan harta berhimpun mencari harta tapi tiada apa-apa yang tinggal. Lalu seseorang mengata “Ini harta patik, tuanku”. Seseorang lagi mengata “Ini harta patik”, tuanku”. Seorang lagi mengata “Ini tuanku benda patik”. Ada seorang lagi kata “ini bantal patik, tuanku.”

Setelah habislah dikenalnya segala yang tuannya, maka titah raja, "Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang tuannya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh kepada Laksamana."

Maka sembah orang itu, "Daulat tuanku, mana titah patik junjung."

Setelah habislah dikenalnya segala yang empunya, maka titah raja, "Hai segala kamu sekalian, hendaklah segala harta ini dibahagi tiga, dua bahagi akan Laksamana, sebahagi akan orang yang empunya harta, kerana harta ini sudahlah hilang beroleh akan Laksamana."

Maka sembah orang itu, "Daulat tuanku, mana titah patik junjung."

BAHASA MELAYU KLASIK

Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, jika demikian, sahaja aniayalah duli yang maha mulia dan dukacitalah sekalian empunya harta. Yang sebahagi itu akan patik. Dalam pada itu pun, mana kasih hatinya hendak memberi akan patik.”

Maka titah baginda, “Hai segala kamu, sukakah seperti kata Laksamana ini?”

BAHASA MELAYU STANDARD

Maka kata Laksamana, “Ya tuanku, kalau begitu, aniayalah Raja yang maha mulia dan kasihanilah mereka yang memiliki harta. Malah, mereka tidak akan menghiraukan saya.”

Maka kata baginda, “Wahai kamu semua, setujukah dengan kata Laksamana?”

BAHASA MELAYU KLASIK

Maka sembah mereka itu, “Sukalah patik sekalian memberikan Laksamana. Demi Allah dan Rasul-Nya, dengan tulus ikhlas hati patih sekalian.” Masing-masing pun memberikan segala hartanya akan Laksamana.

BAHASA MELAYU STANDARD

Rakyat berkata kepada Laksamana bahawa mereka memberikan apa-apa yang dikehendaki oleh Laksamana dengan ikhlas demi Allah dan Rasul-Nya. Selepas itu, rakyat memberikan harta mereka kepada Laksamana.

BAHASA MELAYU KLASIK

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tidak diambil oleh Laksamana.

BAHASA MELAYU STANDARD

Maka Laksamana membahagikannya kepada tiga bahagian. Satu bahagian milik Laksamana itu dibahagi lagi kepada tiga bahagian. Satu bahagian didermakan kepada fakir miskin. Satu bahagian diberikan kepada semua pegawai yang tiada penguasaan dan satu bahagian diberikan kepada semua orangnya. Maka segala harta itu habis dan tiada satu pun yang diambil oleh Laksamana.

BAHASA MELAYU KLASIK

Maka baginda pun terlalu amat kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jikalau tiada Laksamana, tiadalah putus. Maka negeri Melaka pun kararlah.

BAHASA MELAYU STANDARD

Maka baginda pun terlalu kurnia akan Laksamana; barang sesuatu bicara, jika tiada Laksamana, tiadalah putus maka negeri Melaka pun tenteram.

BAHASA MELAYU KLASIK

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh Laksamana. Maka Patih Gajah Mada pun mencari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikianlah perkerjaannya.

BAHASA MELAYU STANDARD

Kemudian, telah sampai ke Majapahit dan kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari telah dibunuh oleh Laksamana. Maka Patih Gajah Mada pula berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka. Demikianlah perkerjaannya.

THANKS!